

IKHLAS Perlindungan Tenang Takaful

Perlindungan Tenang ialah inisiatif kebangsaan untuk menyediakan pelan takaful dan insurans yang mampu dan mudah supaya anda boleh melindungi orang tersayang tanpa mengira keadaan kewangan anda.

IKHLAS Perlindungan Tenang Takaful adalah salah satu produk yang diluluskan di bawah inisiatif ini yang menawarkan perlindungan takaful yang mampu milik dengan sumbangan tahunan yang berpatutan.

KELAYAKAN DAN PERLINDUNGAN

Had umur : 16 tahun – 60 tahun pada hari lahir peserta takaful berikutnya (permohonan baru)

KUMPULAN UMUR (TAHUN)	16-30	31-40	41-50	51-60
MANFAAT TAKAFUL	RM			
Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat Semulajadi	22,500	20,000	9,000	2,750
Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat Kemalangan	45,000	40,000	18,000	5,500
Badal Haji*	1,500	1,500	1,500	1,500
Perbelanjaan Serta-merta Kematian	3,500	3,500	3,500	1,250
SUMBANGAN TAKAFUL TAHUNAN	RM75.00			

*Bagi peserta takaful bukan beragama Islam, manfaat Badal Haji akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian.

PRODUK PATUH SYARIAH BERASASKAN KONSEP TAKAFUL, WAKALAH DAN TABARRU'

Takaful bermaksud suatu persetujuan berasaskan pertolongan secara bersama di mana peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful atau benefisiari mereka apabila berlakunya keadaan yang telah dipersetujui dahulu.

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful Ikhlas Family Berhad, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

Konsep Tabarru' bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta takaful dan akan digunakan untuk membantu semua peserta-peserta takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks produk ini, tabarru' (selepas ditolak yuran wakalah) akan diperuntukkan ke dalam dana risiko yang akan digunakan untuk membayar manfaat takaful.

NOTA PENTING

1. Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja. Bagi mendapatkan kefahaman yang lebih jelas tentang produk, anda dinasihatkan untuk merujuk kepada helaian keterangan produk yang disediakan oleh wakil bagi mendapatkan maklumat dan ciri-ciri penting sebelum menyertai produk ini.
2. Perlindungan takaful untuk produk ini ialah untuk tempoh satu (1) tahun daripada tarikh kuat kuasa.
3. Produk ini diuruskan oleh Takaful Ikhlas Family Berhad dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam sijil takaful.
4. Takaful Ikhlas Family Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
5. Takaful Ikhlas Family Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat takaful yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Takaful Ikhlas Family Berhad adalah dilindungi daripada kerugian sama ada sebahagian atau keseluruhan daripada manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan kepada pengendali takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Takaful Ikhlas Family Berhad atau layari laman sesawang PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).
6. Anda adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan produk ini seperti dibawah:



TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD (No. Pendaftaran : 200201025412)(593075-U)
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur
03-2723 9696 | ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my | www.takaful-ikhlas.com.my